



IKLAN JAWATAN KOSONG
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLAMAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38 (A) DIBUKAKAN KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN SAHAJA.

1. **JAWATAN** : **TIMBALAN RA'ES**
2. **BAHAGIAN** : **I**
3. **TANGGA GAJI** : **UB.6A**
4. **KEKOSONGAN** : **1 KEKOSONGAN**

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- d) i) Telah berkhidmat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan sebagai Penolong Ra'es dalam tanggungaji UB.6 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggungaji Superscale C selama tidak kurang 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- e) Mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang yang bersesuaian di Institusi pengajian tinggi dalam jawatan sekurang-kurangnya akademik kanan selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- f) Mempunyai pengalaman pentadbiran di institusi pengajian selama tidak kurang dari 3 tahun sebagai Dekan, Pengarah Pusat Pengajian atau Ketua Jabatan Akademik adalah diutamakan.
- g) Mempunyai rekod cemerlang dalam bidang akademik seperti penyelidikan dan penerbitan adalah merupakan satu kelebihan.
- h) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap/ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a) Membantu Ra'es dalam merancang, melaksana dan mengawasi pentadbiran dan pengurusan Kolej Universiti.
- b) Menyelaras, mengurus dan mentadbir bahagian pentadbiran dan / atau akademik.
- c) Membantu Ra'es dalam mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa Kolej Universiti.
- d) Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ra'es

8. TEMPOH MEMANGKU DAN PENETAPAN JAWATAN

Adalah dikawal oleh peraturan-peraturan berkaitan dengan perkara ini yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.